

TAKAU INJAP
Long-tailed Broadbill

FAMILI: Eurylaimidae
NAMA SAINTIFIK: *Psarisomus dalhousiae*

CIRI-CIRI

Spesies ini mudah dikenali dengan hampir keseluruhan badannya berwarna hijau, ekor yang panjang berwarna biru (berwarna hitam di bahagian bawah ekor), bahagian atas kepala, belakang tengkuk dan bahagian tepi telinga berwarna hitam manakala tekak, sekeliling leher dan bahagian tepi kepala berwarna kuning. Spesies ini juga mempunyai tompokan berwarna biru di bahagian tengah atas kepala, tanda biru di bahagian belakang leher, bahagian dada hingga ke bawah tongkeng berwarna biru dan paruh berwarna hijau pudar. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 24.0-27.0 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan serangga, buah-buahan dan kadang-kala memakan haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di hutan dipterokap seperti hutan tanah pamah dan hutan sekunder. Spesies ini boleh dijumpai dari ketinggian 500-2,000 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan yang kuat, bernada tinggi dan seakan-akan bunyi bersiul *tseeay* atau *pseew*, berulang-ulang sebanyak 5-8 kali. Kadang-kala ia mengeluarkan bunyi satu nada *tseeay* dan *psweep*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Februari hingga September pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk bujur dengan terdapat laluan masuk di bahagian tepi sarang, tergantung dengan tali dari dahan pokok atau pokok pemanjat. Ketinggian sarang adalah sehingga 30 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 3-8 biji telur pada setiap kali ianya bertelur. Warna telur adalah putih ke merah jambu gelap dengan terdapat titik-titik berwarna merah jambu, merah dan coklat kemerahan. Anggaran saiz telur adalah 25.0 x 20.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.